

PERMULAAN PENSEJARAHAN ISLAM

AMAT ANWAR ZAINAL ABIDIN (M.A.)

SINOPSIS

Pertumbuhan pensejarahan Islam sering dihubungkan dengan pengaruh asing, terutamanya pengaruh Parsi. Tanpa menafikan samasekali adanya pengaruh yang demikian, tulisan ini akan cuba mengesani asal-usul dan perkembangan awal pensejarahan Islam kepada tradisi Arab sebelum Islam dan imbasan-imbasan mengenai sejarah yang terdapat di dalam al-Qur'an. Jalinan di antara tradisi tersebut dan imbasan inilah yang telah memainkan peranan penting dalam pertumbuhan pensejarahan Islam. Tetapi, dalam perkembangannya, pengaruh tradisi Arab sebelum Islam telah diatasi oleh pengaruh imbasan al-Qur'an, yang membuka jalan kepada kelahiran berbagai jenis aliran dan bentuk penulisan sejarah Islam, dengan motifnya yang tersendiri, terutama dalam abad-abad ketiga dan keempat Hijrah.

SYNOPSIS

The growth of Muslim historiography is often attributed to foreign influences, particularly Persian. But, this paper, whilst not to categorically deny any such influence, will attempt to trace back its origins and incipient development to pre-Islamic Arab traditions and historical allusions of al-Qur'an. It is interaction between these traditions and the Qur'anic allusions, that is influential in the growth of Muslim historiography. However, in its development, the pre-Islamic influence has been overwhelmed by the Qur'anic influence, which led to the ramifications of Muslim historical writings, with their own motives, especially during the third and fourth centuries A.H.

I

SEJARAH merupakan satu bidang penulisan yang paling kaya dan subur dalam kesusasteraan Islam. Ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam karya-karya mengenai kesusasteraan dan penulisan dalam tamaddun Islam, seperti *al-Fihrist* oleh al-Nadim (abad ke 4H/10M), *Irshād al-Ārīb fī Marifat al-Adīb* (*Mu'jam al-Udabā'*) oleh Yāqūt (575–620H/1179–1229M) dan *Kashf al-Zunūn* oleh Katib Celebi (1017–1067H/1609–1657M). Menurut senarai yang disediakan oleh Sāliḥ

*Pensyarah di Jabatan Pengajian 'Arab dan Tamadun Islam. F.P. Islam, UKM.

Aḥmad al-‘Alī,¹ karya-karya sejarah yang dicatat oleh al-Nadīm dalam al-Fihristnya dianggarkan berjumlah hampir lapan ratus judul. Kalau ditambah pula karya-karya yang dihasilkan selepas zaman beliau, tentulah angka tersebut akan berlipat ganda lagi.²

Hal ini tidaklah menghairankan, kalau dilihat kepada aliran dan bentuk penulisan sejarah dalam tamaddun Islam yang begitu banyak. Ada yang berbentuk sejarah umum yang bermula dengan asal kejadian alam, sejarah tempatan yang khusus mengenai sesuatu wilayah atau negeri, atau sejarah sesuatu dinasti dalam pemerintahan. Ada juga karya-karya yang berupa riwayat-hidup orang perseorangan atau kumpulan-kumpulan tertentu, berdasarkan zaman dan tempat atau pekerjaan mereka, seperti tokoh-tokoh pada abad tertentu, ahli-ahli perubatan, ahli-ahli bahasa atau tokoh-tokoh dari sesuatu bandar terkenal. Di samping itu, ada karya-karya yang disusun mengikut tahun-tahun berlakunya peristiwa-peristiwa sejarah (hawliyat) atau disusun mengikut keturunan dan salasilah (ansāb), atau khusus mengenai sesuatu peristiwa sahaja.³

Setengah-setengah karya ini telah dihasilkan dalam bentuk yang begitu besar dan luas, seperti Kitāb al-Tabaqāt al-Kabīr oleh Ibn Sa‘d (W.230H/845M).⁴ Ansāb al-Ashrāf oleh al-Balādhūrī (W.279H/892M)⁵,

¹ Franz Rosenthal, ‘Ilm al-Tārīkh ‘inda al-Muslimīn. Terjemahan dan Tambahan, Ṣāliḥ Aḥmad al-‘Alī, (Baghdād : Maktabat al-Muthannā, 1963), h. 273–309.

² Kekayaan hasil kesusastraan Islam, termasuk sejarah, diakui tidak ada bandingannya dalam peradaban dunia sehingga ke hari ini. Band. Jean Sauvaget, *Introduction to the History of the Muslim East*, Based on the 2nd, ed, as recast by Claude Cahen (Berkeley and Los Angeles : University of California Press, 1965) h. 22; band. D.S. Margoliouth, *Lectures on Arabic Historians*, (Culcutta : University of Culcutta, 1930) h. 1–2.

³ Al-Sakhawī, berdasarkan kepada al-Dhahabi, memberi empat puluh bentuk karya sejarah, dan menambah beberapa bentuk lagi berdasarkan pembahagiannya sendiri, lihat, Muhammad Shams al-Dīn ibn ‘Abd al-Rahmān al-Sakhawī, *al-I‘lām bi al-Tawbikh li Man Dhāmm Abū al-Ta‘rīkh*, dalam Rosenthal, ‘Ilm al-Tarīkh, h. 518–522; band. Rosenthal, *A History of Muslim Historiography*, 2nd, revised ed. (Leiden : E.J. Brill, 1968), bab III, IV dan V.

⁴ Tidak ada satu salinan manuskrip yang lengkap bagi karya tersebut. Tetapi penerbitannya yang diusahakan oleh E. Sachau dll., di antara tahun-tahun 1904–1917 di Leiden, terdiri dari lapan jilid besar; jilid yang ke sembilan diterbitkan pada 1921, 1928; lihat Carl Brockelmann, *Tarīkh al-Adab al-‘Arabī*, Terjemahan ‘Abd al-Halīm al-Najjār, 3 jilid. (al-Qāhirah : Dār al-Ma‘arif, 1969) 3 : 20 ; band. Sauvaget, *Introduction*, h. 116.

⁵ Salinan lengkap manuskrip karya tersebut yang terdapat di Istanbul ('Ashir Efendi 597/8. Suleymanniye Kutuphanesi,) Reisulkutup, 597–8) terdiri dari dua jilid besar, yang pertama mengandungi 1196 halaman dan yang kedua mengandungi 1268 ha-

dan *Ta'rikh al-Rusul wa al-Mulūk* oleh al-Tabarī (W.310H/923M).⁶ Ini menunjukkan betapa gigihnya usaha sejarawan Islam dalam penulisan mereka, lebih-lebih lagi bila diingatkan bahawa karya-karya tersebut adalah usaha-usaha perseorangan.

Semua ini menarik perhatian dan menimbulkan beberapa pertanyaan. Bilakah, umpamanya, mula munculnya pensejarahan Islam? Kenapa orang-orang Islam memberi perhatian yang begitu besar kepada sejarah? Bagaimana pensejarahan tumbuh dan mula berkembang di kalangan mereka? Pertanyaan-pertanyaan seperti inilah yang akan cuba diberi jawapan dalam tulisan ini.⁷

II

SAHINGGA akhir-akhir ini, kecenderungan di kalangan kebanyakan sarjana ialah kearah meletakan permulaan pensejarahan Islam pada satu peringkat masa yang agak lewat. Margoliouth, umpamanya, mengatakan bahawa penulisan atau penyusunan bahan-bahan mengenai riwayat hidup Nabi (s.a.w.) hanya bermula pada zaman 'Abbāsiyah.⁸ Brockelmann pula, berdasarkan kepada Goldziher, berpendapat bahawa munculnya pensejarahan Islam tidak lebih awal dari abad kedua Hijrah, iaitu hasil dari gerakan terjemahan ilmu pengetahuan dari bahasa asing ke bahasa Arab, pada masa pemerintahan 'Abbāsiyah, terutamanya terjemahan buku "Khudai Namek" oleh 'Abd Allāh ibn al-Muqaffa' (W.140H/758M) dari

lamannya. Setakat ini cuma beberapa bahagian sahaja darinya telah diterbitkan, lihat Ahmad ibn Yahyā al-Balādhuri, *Ansāb al-Ashrāf*, ed. Muhammad Hamid Allāh, Bahagian (Jilid?) 1 (al-Qāhirah : Dār al-Ma'ārif, 1959), Pendahuluan, h.5; Brockelmann, *Tārīkh*, 3 : 44.

⁶Menurut al-Baghdādī, al-Tabarī bercadang menghasilkan karya sejarahnya itu dalam tiga puluh ribu halaman, seperti cadangannya untuk menulis *Tafsirnya*. Tetapi beliau telah memendikkannya kepada tiga ribu halaman sahaja, lihat al-Khatib Abū Bakr Ahmad ibn 'Alī al-Baghdādī, *Ta'rikh Baghdād*, 14 Jilid (Beirut : Dar al-Kitāb al-'Arabī, t. tkh.), 2 : 163 ; band. Abū Ja'far Muhammad ibn Jarīr al-Tabarī, *Ta'rikh al-Rusul wa al-Mulūk*, ed. Muhammad Abū al-Fadl Ibrāhīm, 10 Jilid, ed. kedua (al-Qāhirah : Dār al-Ma'ārif, 1963—) Pendahuluan, 1 : 22—23.

⁷Untuk tulisan-tulisan mengenai pensejarahan Islam, sila lihat Shākir Muṣṭafā, *al-Tārīkh al-'Arabī wa al-Mu'arrikhūn*, 2 Jilid (Beirut : Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1978, 1979) 1 : 19—40; beliau tidak menyebut sebuah karya penting mengenai pensejarahan Islam oleh Nabia Abbott, *Studies in Arabic Literary Papyri I, Historical Texts*, (Chicago : The University of Chicago Press, 1955).

⁸Margoliouth, *Lectures*, h. 4—5.

bahasa Parsi ke bahasa Arab yang diberi nama “Siyar al-Mulūk al-‘Ajam”.⁹

Tetapi pendapat-pendapat ini tidak lagi dapat diterima dengan serius, setelah munculnya kajian-kajian baru. Menurut Nabia Abbott, berdasarkan kepada kajiannya mengenai karya-karya sejarah Islam awal yang ditulis pada rumput-rumput papirus, adalah jelas bahawa, pada pertengahan abad kedua Hijrah, pensejarahan Islam telah mencapai satu peringkat yang maju.¹⁰ Ini menunjukkan bahawa pensejarahan Islam tentulah telah bermula lebih awal dari itu, dan, dari bukti-bukti yang ada, pertumbuhannya adalah semasa dan seiring dengan kelahiran Islam sendiri. Pada masa hidup Nabi (s.a.w.) lagi perhatian telah diberi oleh masyarakat terhadap sejarah, dan usaha-usaha untuk mengumpul serta mencatat bahan-bahan, dan menyelidiki peristiwa-peristiwa sejarah, telah dimulakan oleh beberapa orang sahabat.¹¹ Hasil dari usaha-usaha seperti inilah didapati, umpamanya, ‘Abd Allāh ibn ‘Abbas (W.68H/687M) pernah mengkhususkan suatu hari yang tertentu untuk mengajar “al-maghāzī”¹², dan ‘Abd Allāh ibn ‘Amr (W.63H/682M) pula telah berjaya menyusun beberapa buah buku kecil mengenai sejarah, termasuk “al-maghāzī” dan riwayat-hidup Nabi (s.a.w.).¹³ Di kalangan jenerasi pertama yang dikenali sebagai “informal transmitters”¹⁴ inilah tumbuh dan bermulanya pensejarahan Islam.¹⁵

⁹ Brockelmann, *Tārīkh*, 3 : 8 ; band. Hamilton A.R. Gibb, “Tārīkh”, dalam *Studies on the Civilization of Islam*, ed. Stanford J. Shaw and William R. Polk, (London : Routledge & Kegan Paul Limited, 1962) h. 108 ; ‘Abd al-Azīz al-Dūrī, *Bābīth fī Nash’at ‘Ilm al-Tārīkh ‘inda al-‘Arab*, (Beirut: al-Maṭba’ah al-Kāthūlīyah, 1960) h. 46.

¹⁰ Aboth, *Studies I*, h. 6.

¹¹ D.M. Dunlop, *Arab Civilization to A.D.1500*, (London : Longman; Beirut Librairie du Liban , 1971), h. 70.

¹² Muhammad Muṣṭafā Azmī (A’zamī), *Studies in Early Hadith Literature*, (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1968) h. 7–8.

¹³ Ibid. h. 41 ; band. Abū Zakariyā’ Muhy al-Dīn ibn Sharaf al-Nawawī, *Kitāb Tabdhīb al-Asmā’ wa al-Lughāt*, 4 Jilid, (al-Qāhirah : Idarat al-Tiba’h al-Muririyah, t. tkh.) 1 : 276.

¹⁴ Azmi, *Studies*, h. 44 ; berdasarkan al-Tabarānī, *al-Mu’jam al-Kabīr* (manuskrip) iii, h. 176.

¹⁵ Lihat William M. Watt, “The Condemnation of the Jews of Banu Qurayzah”, *The Muslim World*, 42(1952), h. 167.

¹⁶ Methodologi pensejarahan Islam sering dianggap sebagai berkembang dari pengajaran Hadith. Tetapi melihat pembahagian-pembahagian bahan yang telah sedia dibuat pada zaman awal lagi, dapatlah diyakini bahawa pensejarahan Islam adalah satu bidang yang berasingan dan tumbuh bersendirian, walaupun kadang-kadang objek perhatian-nya adalah sama dengan Hadith, band. Abbott, *Studies I*, h. 7.

Tetapi adakah pertumbuhan pensejarahan Islam ini berlaku secara mendadak sahaja, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana warisan kebudayaan? Apakah tidak mungkin ia merupakan semacam lanjutan kepada penejarahan yang sedia ada dalam kebudayaan Arab sebelum Islam?

Persoalan ini masih merupakan sesuatu yang belum putus. Kebanyakan sarjana nampaknya tidak berkeyakinan untuk menghubungkan penejarahan Islam dengan kebudayaan sebelumnya.¹⁷ Ini kerana pada pandangan setengah mereka tidak ada apa yang dapat dikatakan “penejarahan Arab” sebelum Islam. Tulisan-tulisan yang dipahat pada batu-batu peninggalan tamaddun Semenanjung Arab Selatan, pengetahuan salasilah (ansāb) dan cerita-cerita “al-ayyām” yang diingati dan diwarisi oleh orang-orang Arab di Utara, semuanya dianggap tidak cukup menggambarkan wujudnya kesedaran dan pengertian sejarah di kalangan mereka sebelum Islam. Tulisan-tulisan pada batu itu hanyalah mencatat perkara-perkara yang berhubung dengan perundangan dan ugama, dan kalau adapun peristiwa-peristiwa sejarah yang diabadikan maka ianya lebih berbentuk dongeng dan tidak teratur.¹⁸ Begitu juga halnya dengan cerita-cerita “al-ayyām” dan pengetahuan salasilah yang hakikat sejarahnya, pada keseluruhannya, dipandang kusut dari segi kronologinya, berat sebelah dan kurang berkaitan.¹⁹

Berdasarkan pengertian “sejarah secara ilmiah”, pendapat-pendapat tersebut ada kebenarannya. Hanya, kalau demikian ukurannya, ketiadaan penejarahan, kesedaran dan pengertian sejarah tidaklah terbatas kepada orang-orang Arab sebelum Islam semata-mata, kerana bangsa-bangsa lain juga pernah mengalami keadaan yang sama.²⁰

Tetapi, kalau dilihat secara menyeluruh dan lebih umum, kegiatan dan perlakuan orang-orang Arab itu adalah menunjukkan wujudnya semacam penejarahan dalam kalangan mereka sebelum Islam lagi. Tulisan-tulisan yang dipahat pada batu-batu, berhubung dengan undang-undang ugama, pembangunan dan kejayaan-kejayaan yang dicapai, menunjukkan mereka menganggap bahawa perkara-perkara itu adalah penting dan harus diabadikan, untuk dimegahkan dan diingati oleh jenerasi kemudian.²¹ Per-

¹⁷ Antara lain ibid, h. 6.

¹⁸ Al-Dūrī, *Babtb*, h. 14–15; band. Rosenthal, *A History*, h. 23; Brockelmann, *Tarikh*, 3 : 7.

¹⁹ E.L.Petersen, ‘Ali and Mu’awiyah in Early Arabic Tradition. Translated by P. Lampe Christensen, reprinted. (Copenhagen : Odense University Press, 1974) h. 14; al-Duri, *Babtb*, h. 17; Rosenthal, *A History*, h. 20–21.

²⁰ Rosenthal, *A History*, h. 24.

²¹ Abū ‘Uthmān ‘Amr ibn Bahr al-Jāhīz, *Kitāb al-Hayawān*, ed. ‘Abd al-Salām Muḥammad Ḥārūn, ed. kedua, 7 Jilid, (al-Qāhirah: Matb’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1950) 1 : 68–69.

hatian yang mereka berikan kepada salasilah, baik secara dongeng atau tidak, adalah satu tanda kesedaran mereka tentang konsep “penerusan” dalam kehidupan, yang bukanlah timbul mendadak dan tamat setakat mereka mati sahaja. Begitu pula dengan cerita-cerita al-*ayyām*, di mana orang-orang Arab berbangga dan bermegah dengan kejayaan datuk nenek mereka dalam peperangan dan pertempuran. Ini menunjukkan mereka menyedari bahawa perbuatan datuk nenek mereka adalah penting bagi mereka dan mempunyai kesan kepada kedudukan mereka di mata umum. Semua ini tidak ragu-ragu lagi menunjukkan bahawa orang-orang Arab sebelum Islam – di Selatan dan di Utara – adalah telah memiliki semacam kesedaran dan pengertian sejarah serta mempunyai pen-sejarahan yang tersendiri.

Harus juga diingatkan bahawa kesedaran sejarah orang-orang Arab ini bukanlah suatu kesedaran yang sangat primitif, kerana ia telah ditunjukan dalam bentuk catitan-caitan kekal pada batu-batu, dokumen-dokumen diraja dan senarai-senarai salasilah yang lengkap,²² serta dalam bentuk cerita-cerita al-*ayyām* dengan puisinya yang diwarisi dari satu jenerasi kepada satu jenerasi yang lain, yang diakui kebenaran sejarahnya.²³ Ketidaaan karya-karya sejarah bertulis yang ditinggalkan oleh orang-orang Arab sebelum Islam tidaklah menafikan wujudnya pensejarahan dan kesedaran sejarah di kalangan mereka. Besar kemungkinan karya-karya demikian, kerana sebab-sebab tertentu, telah hilang.²⁴

²²Dokumen-dokumen ini masih boleh digunakan oleh al-Hamdānī, seorang penulis dari Yaman pada abad ke 4H/10M, band. al-Duri, *Babtb*, h. 14 ; Margoliouth pula mengatakan bahawa usaha mencatat salasilah dan menyediakan dokumen adalah satu kebiasaan mereka, lihat *Lectures*, h. 19.

²³Rosenthal, *A History*, h. 19, Gibb, “*Tarikh*,” h. 109.

²⁴Adanya karya bertulis di kalangan orang-orang Arab sebelum Islam dapat diperhatikan dalam peristiwa Nabi (s.a.w.) dengan Suwayd ibn al-Ṣāmit. Sebelum Hijrah, Suwayd, yang berasal dari al-Madinah, pernah pergi ke Makkah, di mana Nabi (s.a.w.) menyerunya supaya menganut Islam. Beliau enggan, kerana, menurutnya, beliau sudah ada memiliki “majallah” (berupa buku) yang mengandungi hikmat Luqman, lihat Abū Muḥammad ‘Abd al-Mālik ibn Hishām, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, ed. Muṣṭafā al-Saqā dls., ed., kedua, 2 Jilid (al-Qāhirah : Maṭb’at Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1955) 1 : 427; band. al-Jāhiz, *Kitāb al-Hayawān*, h. 69–70. Al-Jāhiz juga meriwayatkan tentang wujudnya buku-buku ugama dan dokumen-dokumen perjanjian sebelum Islam, dan menyatakan kebiasaan memusnahkan kesan-kesan lama, ibid, h. 73; band. Matti I. Moosa, “Studies in Syriac Literature”. *The Muslim World*, Vol. 58(1968) h. 114–115, di mana keadaan yang hampir sama mungkin telah berlaku dalam kesusasteraan Siryani (Syriac).

Bahawa kesedaran sejarah ini dimiliki oleh orang-orang Arab sebelum Islam paling jelas dapat dilihat dalam masyarakat Makkah. Di antara jabatan-jabatan yang terdapat dalam pentadbiran kota itu ialah “al-sifārah” dan “al-mufākharah”. Kedua-dua jabatan ini, pada suatu ketika sebelum Islam, disandang oleh ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb. Apabila berlaku perperangan di antara orang-orang Quraysh dengan suku-suku lain, ‘Umarlah yang ditunjuk sebagai utusan Makkah. Atau kalau berlaku cabar mencabar tentang kelebihan di antara mereka, ‘Umarlah juga yang diberi tugas menjawab segala cabaran.²⁵ Tugas sebagai utusan dan juru-bicara suku memerlukan penyandangnya bukan sahaja mengetahui kejayaan dan kebaikan sukunya, tetapi juga keburukan dan kelemahan suku lawan; iaitu suatu tugas yang memerlukan pengetahuan dan data sejarah yang agak luar biasa.²⁶

III

PENSEJARAHAN yang wujud di kalangan orang-orang Arab sebelum Islam, sedikit sebanyak, telah mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan awal pensejarahan Islam. Tradisi ilmu salasilah (*Ansāb*) dan cerita-cerita al-ayyām telah diteruskan selepas Islam, dalam satu bentuk atau lain. ‘Aqīl ibn Abī Ṭālib (W. pada zaman Mu’awiyah), umpamanya, pernah mengajar ilmu salasilah dan cerita ayyām al-‘Arab di masjid al-Madīnah.²⁷ Ibn ‘Abbās pula pernah mengadakan majlis khusus untuk ayyām al-‘Arab pada satu hari dalam seminggu.²⁸ Ketika melancarkan sistem al-Diwān, ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb telah meminta beberapa orang sahabat Nabi (s.a.w.) menyusun daftar suku-suku Arab dan salasilah mereka. Antara mereka ialah: Makhramah ibn Nawfal, Jubayr ibn Muṭ‘im dan ‘Aqīl ibn Abī Ṭālib,²⁹ yang merupakan pakar-pakar mengenai salasilah.

Dalam jenerasi berikutnya, dua orang tokoh ilmu salasilah dan cerita-cerita sejarah (al-akhbār), Daghfal ibn Hanzalah al-Sadūsī dan ‘Ubayd (‘Abid) ibn Sharyah al-Jurhumi,³⁰ telah mendapat kedudukan yang baik

²⁵ Ahmad ibn Muḥammad ibn ‘Abd Rabbih, *al-Iqd al-Farīd*, ed. Bulaq, 2 : 45–46, dipetik oleh Muhammed Hamīdullāh, “Muhammad ibn Ishāq”, *Journal of the Pakistan Historical Society*, Vol. 17 (April 1967) h. 85–86.

²⁶ Hamīdullāh, “Muhammad ibn Ishāq” h. 86.

²⁷ Al-Nawawi, *Tabābīb*, 1 : 337

²⁸ Ibid, 1 : 276.

²⁹ Hamīdullāh, “Muhammad ibn Ishāq” h. 92.

³⁰ Tidak ada tarikh wafat Daghfal yang diberi oleh sumber-sumber. Mengenai ‘Ubayd, kebanyakan sumber menyatakan bahawa beliau hidup sehingga zaman ‘Abd al-Malik ibn Marwān, lihat, Abū al-Faraj Muḥammad ibn Ishāq Abū Ya‘qūb al-Nadīm, *Kitāb*

di sisi Mu'awiyah. Daghfal telah dilantik sebagai guru kepada puteranya, Yazid,³¹ dan selalu menghadiri majlis-majlis Khalifah.³² Kegiatan Daghfal ini dikatakan telah menghasilkan sebuah buku yang diberi nama "Kitāb al-Tazāfir wa al-Tanāṣur", dan masih boleh didapati petikan-petikan darinya dalam karya-karya yang kemudian.³³

'Ubayd pula telah dijemput oleh Mu'awiyah dari Yaman untuk menjadi pendita istana.³⁴ Cerita-cerita purba dan sejarah raja-raja Yaman yang didapati dari 'Ubayd telah diperintah oleh Mu'awiyah supaya dicatat dan dibukukan, dengan nama "Kitab al-Amthāl" dan "Kitab al-Mulūk wa Akhbār al-Mādīn".³⁵

Wujudnya tradisi cerita-cerita al-ayyām dan ilmu salasilah, serta penerusannya selepas Islam, secara langsung atau tidak, merupakan antara faktor-faktor yang membawa kepada munculnya pensejarahan Islam tulin yang bermula dengan "al-maghāzī".³⁶ Abbān ibn 'Uthmān (W. di antara 95–105H/713–723M), putra Khalifah yang ketiga, pernah dianggap sebagai orang yang pertama mengumpul bahan-bahan yang berhubung

al-Fibrist, ed. Gustav Flugell, (Leipzig : Vogel, 1871; Photographic reproduction, Beirut : Khayat, 1964) h. 89–90. Penyunting *Kitāb al-Bayān wa al-Tabyīn* oleh al-Jahīz (al-Qāhirah 1947) 1 : 342, memberi tarikh wafat 'Ubayd sebagai tahun 67H/686M, lihat Abbott, *Studies I*, h. 10, c.b. 9. Tarikh wafat ini tidak terdapat dalam buku yang sama ed. ketiga, 4 Jilid, (al-Qāhirah : Lajnat al-Ta'līf wa al-Nashr, 1968). Kedua-dua mereka, Daghfal dan 'Ubayd, hidup semasa dengan Nabi (s.a.w.), tetapi tidak pernah menemuinya, lihat Abū Muḥammad 'Abd Allāh ibn Muslim ibn Qutaybah, *al-Ma'ārif* ed. Tharwat 'Ukashah, ed. kedua (al-Qāhirah : Dār al-Ma'ārif, 1969) h. 534.

³¹ Abū Ja'far Muḥammad ibn Ḥabīb, *Kitāb al-Muhabbar*, ed. Ilse Lichtenstaedter (Beirut : al-Maktab al-Tijāri li al-Tibā'h wa al-Nashr, t. tkh.) h. 478.

³² Ibn Qutaybah, *al-Ma'ārif*, h. 534 ; al-Nadim, *al-Fibrist*, h. 89.

³³ Abbott, *Studies I*, h. 14.

³⁴ *Ibid.* h. 10.

³⁵ Al-Nadim, *al-Fibrist*, h. 89; band. Ibn Qutaybah, *al-Ma'ārif*, h. 534. Karya beliau yang dikenali sebagai "Akhbār 'Ubayd" telah diterbitkan di Hyderabad pada tahun 1357H/1938M, dan ketuliananya telah dibincang oleh Abbott, *Studies I*, h. 10–16.

³⁶ Kata "al-Maghāzī" adalah berasal dari kata "ghaza" – "ghazw" yang bererti "al-sayr ilā qitāl al-'aduw wa intihabihī" – (pergi memerangi musuh dan menjarah mereka). "Al-maghāzī" seterusnya telah diertikan sebagai "manāqib al-ghuzāt" – (jasa baik para pejuang yang dikenang), lihat, antara lain, Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Makram ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 14 Jilid, (Bayrūt: Dār Sādir-Dār Bayrūt, 1388/1968), s.v. "ghaza"; Majd al-Dīn Muḥammad ibn Ya'qūb al-Fayruzabādī, *al-Qārimūs al-Mubīt*, 4 Jilid, (al-Qāhirah : Mu'assasat al-Ḥalabī wa Shurakāh li al-Nashr wa al-Tawzī', t. tkh.), s.v. "ghaza"; al-Sayyid Murtada al-Zubaydī, *Tāj al-'Arus*, 10 Jilid, (Banghāzi : Dār Libyā li al-Nashr wa al-Tawzī', t. tkh.), s.v. "ghaza".

dengan al-maghāzī dalam bentuk bertulis.³⁷ Tetapi sebelum itu pun, tokoh-tokoh seperti Ibn ‘Abbās dan Ibn ‘Amr telahpun menglibatkan diri dalam pengumpulan bahan-bahan dan penulisan al-maghāzī.³⁸ Cuma tidaklah diketahui dengan jelas apakah tajuk-tajuk yang disentuh oleh mereka dalam majlis-majlis pengajaran atau dalam tulisan-tulisan mereka. Tetapi dari petikan-petikan mengenai al-maghāzī, oleh ‘Urwah ibn al-Zubayr (W.94H/712M), putera salah seorang sahabat terkemuka, al-Zubayr ibn al-Awwām, yang terdapat di dalam karya-karya sejarah yang terkemudian,³⁹ ketara dengan jelas pengaruh dan kesan tradisi al-ayyām dalam pertumbuhan al-maghāzī, terutama tentang motif dan pemilihan tema.⁴⁰

Tetapi penelitian pemakaian kata “al-maghāzī” dalam pensemsejarahan Islam menunjukkan bahawa ianya digunakan khusus untuk Nabi (s.a.w.), terutama dalam hubungan dengan sejarah peperangan yang berlaku pada zaman beliau, dan tidak untuk tokoh-tokoh lain atau dalam hubungan lain, kecuali pada nama sebuah karya dalam abad ketiga Hijrah yang ditulis oleh Ahmad ibn al-Hārith al-Khazzāz (W. 258H/872M), “*Maghāzī al-Bakr fi Dawlat Bani Hāshim wa Dhikr Abī Hafs Sāhib Iqrītish*” (al-Nadim, *al-Fihrist*, h. 104–105; band. Rosenthal, *Ulm al-Tārikh*, h. 276–283).

Di samping itu, kata “al-Sirah” telah digunakan bagi riwayat hidup Nabi (s.a.w.), mungkin sejak abad kedua Hijrah, iaitu pada masa Muḥammad ibn Shihāb al-Zuhri (W.124H/741M), lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn ‘Umar al-Wāqidi, *Kitāb al-Maghāzī*, ed. Marsden Jones, 3 Jilid (London : Oxford University Press, 1966) 1 : 19 (Pendahuluan), berdasarkan Abū al-Faraj ‘Alī ibn al-Husayn al-Isfahānī, *Kitāb al-Aghānī* (ed. al-Sasi) 19 : 59. Tetapi haruslah diperhatikan bahawa pemakaian kata “al-Sirah” tidaklah khusus kepada Nabi (s.a.w.) sahaja, kerana ianya juga telah digunakan untuk tokoh-tokoh lain, seperti ternyata dari karya-akarya “Sirat Mu’awiyah wa Bani Umayyah” oleh Awwānah ibn al-Hakam (al-Nadim, *al-Fihrist*, h. 91); “Sirat Abī Bakr wa Wafātuhi” oleh al-Wāqidi (*Ibid*, h. 99), “Sirat ‘Umar” dan “Sirat ‘Uthmān” oleh Muḥammad ibn Mas’ūd al-Ayyāshī (*Ibid*, h. 196), “Sirat Ardashīr” dan “Sirat Anū-Shirwān” oleh Abbañ al-Lahīqī (*Ibid*, h. 119).

³⁷ J. Horovitz, “The Earliest Biographies of the Prophet and their Authors”, *Islamic Culture*, vol. 1 (1927), h. 539. Sayangnya tidak ada petikan-petikan berhubung dengan al-Maghāzī oleh Abbañ dalam karya-karya terkemudian. Setengah penulis menganggap ‘Urwah ibn al-Zubayr sebagai orang yang pertama menyusun buku mengenai al-Maghāzī, lihat al-Dūrī, *Babth*, h. 21; band. Ahmad Amin, *Dubā al-Islām*, ed. ke 10, 3 Jilid, (Bayrut : Dar al-Kitab al-Arabi, t. tkh.) 2 : 321–322.

³⁸ Lihat h.4 selain dari itu Ibn ‘Abbās dirawayatkan sering menemui Abū Rāfi’, pembantu rumah Nabi (s.a.w.), dan bertanya beliau mengenai apa yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w.) pada sesuatu hari, sambil mencantiknya pada keping-keping bahan tulis yang dibawa bersamanya, al-Baghdādī, *Kitāb Taqyid al-Ulm*, ed. Yūsuf al-‘Ish, (Dimashq : Ma’had al-Fransi, 1395/1975) h. 91.

³⁹ Petikan-petikan ini dianggap yang paling tua mengenai al-Maghāzī yang ada pada hari ini, lihat al-Dūrī, *Babth*, h. 21; Horovitz, “Biographiess” h. 550.

⁴⁰ Ini tidak menafikan pengaruh dan kesan yang dibawa oleh Islam sendiri dalam kelahiran pensemsejarahan Islam dan berbagai bentuknya, seperti yang akan dibincang. Dalam hal ini berbagai faktor telah memainkan peranannya, dengan darjah yang berbeza.

Dari berbagai tajuk yang disentuh oleh ‘Urwah mengenai kehidupan Nabi (s.a.w.), peristiwa-peristiwa peperangan beliau dengan orang-orang Quraysh telah mendapat tempat yang istimewa. Di antara lapan belas tajuk petikan dari ‘Urwah yang dikesani oleh al-Dūrī, sebelas tajuk adalah mengenai peperangan Nabi (s.a.w.), tiga mengenai penentangan terhadap beliau dan peristiwa hijrah ke Habsyah dan ke al-Madinah; satu mengenai kerasulan beliau; dua mengenai kegiatan-kegiatan terakhir beliau; dan satu mengenai peribadi beliau.⁴¹ Ini jelas menunjukkan bahawa pada permulaan pensejarahan Islam, seperti juga dalam tradisi al-ayyām, peristiwa-peristiwa peperangan telah mendapat perhatian yang besar kerana peristiwa-peristiwa inilah yang menjadi kebanggaan dan kemegahan. Dan hakikat inilah juga yang memberikan nama “al-maghāzī” kepada catatan-catatan peristiwa mengenai Nabi pada mulanya.⁴²

Kesan dan pengaruh tradisi penejarahan Arab sebelum Islam terhadap penejarahan Islam dapat dilihat dengan jelas dalam peringkat pertama perkembangannya, pada abad kedua dan ketiga Hijrah, terutamanya di Iraq. Suku-suku Arab yang membuat penempatan baharu di kota-kota sempadan, seperti al-Kūfah dan al-Baṣrah, telah membawa bersama-sama mereka tradisi al-ayyām dan ilmu salasilah. Tradisi ini telah diteruskan dalam majlis-majlis suku dan di masjid-masjid.⁴³ Usaha-usaha juga telah dibuat untuk menyalin dan mengumpulnya, di mana Ḥammād al-Rāwiyah (W.k.k. 156H/773M), umpamanya, pernah menggunakan dua buah buku mengenai suku Quraysh dan Thaqīf (*kitābay Quraysh wa Thaqīf*) sebagai persiapan untuk menemui Khalifah al-Walīd ibn Yazīd (125–126H/

⁴¹ Agak menarik perhatian bahawa ‘Urwah tidak dapat dikesani ada meriwayatkan sesuatu mengenai peperangan Uhud, di mana orang-orang Islam telah mengalami kekalahan.

⁴² Saranan-saranan beberapa orang sarjana bahawa penulisan “al-Maghāzī” adalah dipengaruhi, antara lain, oleh bentuk penulisan “Khvatay-namak” dalam sastera Parsi, mengenai sejarah raja-raja Parsi, lihat G. Levi Della Vida, *The Encyclopaedia of Islam*, ed. 1, s.v. “Sira”; Gustave E. von Grunebaum, *Medieval Islam*, ed. 2, (Chicago: The University of Chicago Press, 1953) h. 276–277, dan oleh bentuk penulisan “vita of the soldiers of God” dalam sastera Kristian, yang menganggap perlakuan tokoh-tokoh ugama mereka (saints) sebagai “fights”, lihat von Grunebaum, “Greek Form Elements in the Arabian Nights”, *Journal of American Oriental Society*, 62(1942) h. 291; id. *Medieval Islam*, h. 276–277), adalah tidak meyakinkan. “Al-Maghāzī”, samada dalam bentuknya yang awal, seperti yang dikesani dari ‘Urwah, atau dalam bentuknya yang khusus, seperti oleh al-Wāqīdī, adalah mengenai seorang tokoh sahaja, dan khusus kepada Nabi (s.a.w.) (lihat, c.b. 36), sedangkan “Khvatay-namak” adalah mengenai banyak tokoh. Begitu pula dengan “vita of the soldiers of God”, yang hanya “menganggap” perlakuan “saints” itu sebagai “fights”, adalah berbeza dari “al-Maghāzī” yang benar-benar mensejarahkan peperangan-peperangan Nabi (s.a.w.).

⁴³ Al-Dūrī, *Babth*, h. 34.

743--744M).⁴⁴ Sebelumnya, penyaer Tirimmah (W.105H/723M) pula dikatakan ada membuat petikan-petikan dari "Kitāb Tamīm",⁴⁵ yang mungkin merupakan satu kumpulan data-data mengenai suku tersebut.

Perhatian kepada cerita-cerita al-ayyām dan ilmu salasilah inilah merupakan di antara asas pertumbuhan penulisan sejarah penaklukan yang berlaku selepas Islam, yang dikenali dengan nama "Futūhāt", dan penulisan buku-buku mengenai salasilah.⁴⁶ Di samping motif-motif lain yang bersifat lebih amali, sejarah penaklukan, seperti tradisi al-ayyām, dikenang juga dengan tujuan mengagongkan sesuatu suku dan menunjukkan peranan mereka dalam peperangan-peperangan selepas Islam.⁴⁷ Tulisan-tulisan 'Awwanāh ibn al-Hakam (W. 147H/764M) mengenai penaklukan dan lainnya, yang terdapat dalam sumber-sumber kemudian, umpamanya, menunjukkan peranan yang dimainkan oleh sukunya, Kalb, dan kedudukan puak Umayah, yang mempunyai perhubungan yang baik dengan suku Kalb.⁴⁸ Begitu juga halnya dengan Abū Mikhnaf (W.157H/774M) yang lebih mengutamakan riwayat-riwayat sukunya, al-Azd, dan sejarah Iraq.⁴⁹ Sayf ibn 'Umar (W.180H/796M) pula didapati lebih mengagongkan sukunya, Tamim, dari suku-suku lain dalam penaklukan.⁵⁰

Dalam bidang salasilah, munculnya karya-karya mengenainya selepas Islam adalah secara langsung bergantung kepada tradisi al-ansāb yang sedia ada sebelumnya.⁵¹ Muhammad ibn al-Sā'ib al-Kalbi (W.146H/763M) dan anaknya, Hishām (W.204H/819M), dalam tulisan-tulisan mereka mengenai salasilah, pada keseluruhannya menggunakan bahan-bahan yang telah ada.⁵²

⁴⁴ Abū al-Faraj 'Alī ibn al-Husayn al-Isfahani, *Kitāb al-Agbānī*, ed. Aḥmad al-Shanqītī, 21 Jilid, (al-Qāhirah: Matba'at al-Taqaddum, t. tkh.) 5:165.

⁴⁵ Al-Dūrī, "The Iraq School of History to the Ninth Century", Dalam *Historians of the Middle East*, ed. Bernard Lewis dan P.M. Holt, (London: Oxford University Press, 1962) h. 47.

⁴⁶ Gibb, *Studies*, h. 109–110; Petersen, '*Alī and Mu'awiyah*', h. 14; band. Julius Obermann, "Early Islam". Dalam *The Ideas of History in the Ancient Near East*, ed. R.C. Dentan (New Haven: Yale University Press, 1955) h. 241–242; al-Duri, *Baḥtb*, h. 17.

⁴⁷ Lihat Obermann, "Early Islam", h. 243.

⁴⁸ Al-Dūrī, *Baḥtb*, h. 36.

⁴⁹ Ibid, h. 35; Aḥmad Amin, *Dubā al-Islām*, 2:342.

⁵⁰ Al-Dūrī, *Baḥtb*, h. 37; secara umum lihat juga Gibb, *Studies*, h. 114; al-Dūrī, "The Iraq School", h. 49–50.

⁵¹ Rosenthal, *A History*, h. 21–22.

⁵² Al-Nadīm, *al-Fibrīst*, h. 95–98; al-Dūrī, *Baḥtb*, h. 40–41.

Kalau ada bahan dan sumber lain digunakan, maka itu adalah berhubung dengan salasilah tokoh-tokoh yang kemudian dan hampir semasa dari suku-suku berkenaan, seperti yang dilakukan oleh Muṣ'ab al-Zubayrī (W.236H/850M) mengenai salasilah suku Quraysh dalam karyanya “Kitāb Nasab Quraysh”.⁵³

⁵³ Ed. E. Levi-Provencal, (*al-Qāhirah : Dār al-Ma‘ārif*, 1953); band. al-Dūrī, *Baḥtb*, h. 312–318.